

Pengajaran tokoh kemerdekaan di sekolah dibincang

BH 29 JUL 2000

KOTA KINABALU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menemui Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, bagi membincangkan pengajaran sejarah di sekolah supaya dapat memasukkan sejarah perjuangan tokoh kemerdekaan Malaysia.

Beliau berkata, sejarah perjuangan bagi mendapat kemerdekaan perlu diketengahkan dan diajar sepenuhnya di sekolah kerana perjuangan tokoh berkenaan yang sanggup mengadai nyawa, amat tinggi.

Bagaimanapun, katanya, ada pihak bimbang jika diajar sepenuhnya, ia akan meningkatkan penghormatan rakyat kepada kerajaan yang memerintah sekarang.

"Jadi mereka enggan menceritakan kisah perjuangan tokoh berkenaan (termasuk Datuk Onn Jaafar) kepada orang ramai. Ini kerana tokoh ini yang menyumbang kepada kemerdekaan dan pembangunan negara yang makmur sekarang," katanya pada sidang akhbar sebelum berangkat ke Kuala Lumpur, pagi ini.

Semalam ketika merasmikan Persidangan Ke-16 Persatuan Sejarawan Asia (IAHA) di sini, Perdana Menteri berkata sejarah perjuangan Datuk Onn Jaafar dan Datuk Panglima Bukit Gantang tidak diketahui dan diajarkan sepenuhnya kepada pelajar sekarang.

Sedangkan, katanya, negara lain berbangga dengan sejarah perjuangan bangsanya kerana ia mampu meningkatkan semangat patriotik rakyatnya.

Dr Mahathir berkata, sebaliknya di Malaysia, timbul rasa malu untuk menunjukkan kegemilangan masa silam apa lagi menghargai pengorbanan tulen dan sumbangan pejuang terdahulu.